  - iii) kewujudannya telah diketahui oleh orang yang dilindungi, sama ada telah atau tidak, rawatan, perubatan, nasihat atau diagnosis dicadangkan atau diterima.
- l) **Qard** bermaksud pinjaman tanpa faedah yang kami sediakan sekiranya berlaku defisit dalam dana tabarru' peserta.

- m) **Shariah** bermaksud undang-undang Islam. Dalam konteks kontrak induk ini, Shariah merujuk kepada undang-undang Islam sebagaimana yang ditafsirkan oleh jawatankuasa Shariah.
- n) **Jawatankuasa Shariah** bermaksud jawatankuasa yang kami bentuk untuk memberi nasihat ke atas operasi perniagaan takaful kami untuk memastikan ia mematuhi Shariah.
- o) **Tabarru'** bermaksud jumlah derma yang akan ditolak daripada sumbangan untuk menyediakan perlindungan takaful kepada peserta-peserta.
- p) **Wakalah** bermaksud kontrak di mana pihak, sebagai prinsipal (muwakkil) membenarkan pihak lain sebagai ejen (wakil) untuk melaksanakan tugas tertentu dalam hal-hal yang boleh diwakilkan.
- q) **Kami** bermaksud Sun Life Malaysia Takaful Berhad.
- r) **Anda** bermaksud pemegang kontrak induk seperti yang tertera di dalam jadual kontrak induk.

## 2. Interpretasi

2.1 Di dalam kontrak induk ini, kecuali konteks memerlukan sebaliknya:

- a) tajuk di dalam kontrak induk ini dimasukkan untuk kemudahan sahaja dan tidak memberi kesan ke atas pembentukannya.
- b) perkataan tunggal hendaklah merangkumi perkataan majmuk dan sebaliknya.
- c) perkataan yang merujuk kepada jantina hendaklah merangkumi semua jantina.

2.2 Jika terdapat mana-mana peruntukan di dalam kontrak induk ini tidak sah atau tidak boleh dikuatkuasakan di bawah undang-undang Malaysia, ia tidak akan menjejaskan kesahan, kesahihan atau kebolehuatkuasaan peruntukan lain.

## 3. Kontrak induk

3.1 Kontrak induk ini dikeluarkan setelah mempertimbangkan borang permohonan orang yang dilindungi, jika berkenaan dan pembayaran sumbangan, jika berkenaan seperti yang tertera di dalam sijil takaful dan adalah bergantung kepada:

- a) jawapan yang diberikan oleh orang yang dilindungi dalam borang permohonan atau sebarang soal selidik berikutnya yang kami berikan atas apa-apa perkara berkaitan permohonan dan sebarang pendedahan yang dibuat oleh orang yang dilindungi di antara waktu penyerahan permohonan dan waktu sijil takaful dibuat; dan
- b) laporan perubahan dan apa-apa laporan dan soal selidik yang lain;

(secara kolektif dirujuk sebagai 'maklumat penting')

dan maklumat penting tersebut akan menjadi sebahagian daripada kontrak induk antara kami dan anda dan/atau orang yang dilindungi. Walau bagaimanapun, sekiranya terdapat apa-apa

salah nyataan prakontrak yang berkaitafn dengan maklumat penting telah dibuat, hanya remedi di bawah Jadual 9 dalam Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 akan dikenakan.

- 3.2 Jika kami memerlukan orang yang dilindungi, sebelum sijil takaful berubah, untuk menjawab sebarang soalan atau jika dia dikehendaki untuk mengesahkan atau meminda apa-apa perkara berkaitan sijil takaful yang sebelum ini dia dedahkan kepada kami, ia adalah tanggungjawab orang yang dilindungi untuk mengambil penjagaan munasabah supaya tidak membuat salah nyataan semasa menjawab soalan-soalan atau mengesahkan atau meminda apa-apa perkara yang didedahkan sebelum ini.
- 3.3 Orang yang dilindungi mesti memaklumkan kami sebarang perubahan berkaitan dengan maklumat yang telah diberikan kepada kami dalam jawapan atau sebarang perkara yang sebelum ini didedahkan kepada kami berhubung dengan sijil takaful ini jika perubahan tersebut telah berlaku selepas orang yang dilindungi mengemukakan permohonan bagi perubahan tetapi sebelum sijil takaful diubah.

#### **4. Kelayakan**

- 4.1 Orang yang layak untuk kontrak ini adalah klien pemegang kontrak induk seperti yang tertera di dalam jadual kontrak induk.

#### **5. Bukti kepentingan takaful yang dibenarkan**

- 5.1 Kami memerlukan bukti kepentingan takaful yang dibenarkan yang memuaskan di antara orang yang dilindungi dan pemegang kontrak induk sebelum orang yang dilindungi diterima untuk perlindungan takaful.
- 5.2 Jika pemegang kontrak induk tidak lagi mempunyai sebarang kepentingan dalam orang yang dilindungi, semua hak-hak dan hak-hak istimewa perlindungan takaful akan dipindahkan kepada orang yang dilindungi secara automatik.

#### **6. Tempoh perlindungan dan pembaharuan**

- 6.1 Perlindungan takaful bagi setiap orang yang dilindungi akan bermula pada tarikh permulaan sijil seperti yang tertera di dalam sijil takaful. Pada setiap tarikh ulang tahun kontrak, sijil takaful ini boleh diperbaharui atas pilihan kami berdasarkan kadar sumbangan berkuatkuasa yang kami tentukan pada masa itu.
- 6.2 Tiada dokumen pembaharuan akan dikeluarkan semasa pembaharuan. Kontrak induk ini dan sijil takaful akan terus digunakan, tertakluk kepada klausa penamatan.

#### **7. Tempoh semakan percuma (tempoh pembatalan)**

- 7.1 Sekiranya orang yang dilindungi dan/atau pemegang kontrak induk membuat keputusan untuk tidak mengambil perlindungan takaful ini atas apa jua sebab selepas ia telah dikeluarkan, pemilik sijil dan/atau pemegang kontrak induk boleh mengembalikan sijil takaful kepada kami untuk pembatalan dengan memberikan notis bertulis kepada kami dalam tempoh 15 hari dari tarikh penghantaran sijil takaful.
- 7.2 Apabila menerima notis pembatalan sijil, orang yang dilindungi tidak akan lagi menikmati perlindungan takaful.

## **8. Umur**

- 8.1 Sijil takaful ini dikeluarkan untuk umur orang yang dilindungi seperti yang tertera di dalam sijil takaful, berdasarkan tarikh lahir yang diberikan semasa permohonan. Kami perlu mendapatkan bukti umur orang yang dilindungi sebelum kami membayar sebarang manfaat.

## **9. Klausula perihal tidak boleh dipertikaikan**

- 9.1 Jika sijil takaful tidak lagi sah, atas sebab selain daripada penipuan, kami akan membayar balik sumbangan yang telah dibayar dari tarikh permulaan sijil, tanpa sebarang faedah.
- 9.2 Kami tidak boleh mempertikaikan sijil takaful selepas ia telah berkuatkuasa selama 2 tahun dari tarikh sijil dikeluarkan, kecuali terdapat bukti penipuan.

## **10. Kemampuan untuk melakukan perjalanan dan sebarang sekatan ke atas lokasi tempat kediaman orang yang dilindungi**

- 10.1 Kontrak ini tidak menyekat orang yang dilindungi daripada melakukan sebarang perjalanan dan tidak terjejas oleh lokasi tempat tinggalnya.
- 10.2 Notis perlu dihantar kepada kami sekiranya terdapat sebarang perubahan pergerakan atau pekerjaan orang yang dilindungi.

## **11. Perubahan kepada kontrak**

- 11.1 Kami berhak meminda terma dan peruntukan kontrak ini bertujuan untuk mematuhi undang-undang dan peraturan-peraturan Malaysia. Kami akan memberi notis bertulis terlebih dahulu melalui pos biasa ke alamat terakhir anda dan orang yang dilindungi yang diketahui dalam rekod kami atau mod komunikasi alternatif lain.
- 11.2 Permintaan orang yang dilindungi untuk apa-apa perubahan atau pengendorsan kepada kontrak ini tidak akan sah kecuali jika kami benarkan dan kelulusan tersebut hendaklah diendorskan di bawah sijil takaful.

## **12. Hak dan kegunaan amaun yang terhutang**

- 12.1 Kami mempunyai hak untuk memotong sebarang sumbangan yang tidak dibayar bagi satu tahun penuh (jika berkenaan) di bawah sijil takaful.
- 12.2 Kami boleh mengimbangi sebarang amaun yang kami terhutang kepada orang yang dilindungi (sebagai contoh: manfaat) di bawah sijil takaful ini dengan sebarang amaun yang orang yang dilindungi terhutang kepada kami (sebagai contoh: sumbangan, tabarru' dan lain-lain) di bawah sijil takaful ini.
- 12.3 Sekiranya amaun yang perlu dibayar kurang daripada RM10 bagi setiap orang yang dilindungi pada setiap tahun kewangan, ia akan dikreditkan ke akaun bank terkini orang yang dilindungi mengikut maklumat dalam rekod kami. Sekiranya butiran akaun bank orang yang dilindungi tidak diberikan kepada kami, amaun tersebut akan didermakan kepada pertubuhan kebajikan yang diluluskan oleh jawatankuasa Syariah kami.

### **13. Penyerahan sijil**

- 13.1 Orang yang dilindungi boleh, pada bila-bila masa semasa hayat orang yang dilindungi dan semasa sijil takaful ini berkuatkuasa, menyerahkan sijil takaful ini dengan memberi notis bertulis kepada kami. Semua manfaat dan hak di bawah sijil ini akan tamat. Apabila menerima notis penyerahan sijil, orang yang dilindungi tidak akan lagi menikmati perlindungan takaful.
- 13.2 Klausula 7 akan dikuatkuasakan jika orang yang dilindungi membatalkan sijil takaful dalam tempoh semakan percuma.

### **14. Penamatan**

- 14.1 Anda atau kami boleh menamatkan kontrak ini dengan memberi 60 hari notis bertulis. Walau bagaimanapun, perlindungan untuk setiap orang yang dilindungi akan berterusan sehingga akhir tempoh sijil seperti yang tertera di dalam sijil takaful orang yang dilindungi masing-masing.
- 14.2 Sijil takaful akan ditamatkan dalam mana-mana keadaan berikut yang terawal:
- a) Pada tarikh kami meluluskan dan membayar manfaat kematian atau TPD seperti yang kami nyatakan dalam peruntukan-peruntukan manfaat di dalam lampiran GTT004 dan lampiran GTT005 kontrak induk ini;
  - b) Apabila orang yang dilindungi tidak lagi layak di bawah kontrak induk ini;
  - c) Apabila sijil takaful diserahkan;
  - d) Apabila sijil takaful dibatalkan; atau
  - e) Pada tarikh akhir manfaat seperti yang tertera di dalam sijil takaful.

### **15. Undang-undang**

- 15.1 Kontrak induk ini dan tanggungjawab kami di bawah kontrak induk ini adalah tertakluk kepada undang-undang, syarat-syarat, peraturan-peraturan dan prinsip-prinsip Syariah yang sedang berkuatkuasa di Malaysia. Undang-undang, syarat-syarat dan peraturan-peraturan akan meliputi tetapi tidak terhad kepada mana-mana pekeliling, arahan atau garis panduan.
- 15.2 Sekiranya terdapat perbezaan antara peruntukan-peruntukan kontrak induk ini dengan mana-mana undang-undang, syarat-syarat atau peraturan-peraturan, undang-undang, syarat-syarat atau peraturan-peraturan tersebut akan dikuatkuasakan.
- 15.3 Kontrak induk ini akan ditadbir mengikut undang-undang Malaysia. Sebarang pertikaian akan diuruskan di mahkamah Malaysia.

### **16. Cukai**

- 16.1 Semua cukai, termasuk tetapi tidak terhad kepada sebarang cukai barangan dan perkhidmatan, dan/atau lain-lain bentuk cukai jualan atau kepenggunaan, sama ada yang berkuatkuasa pada masa ini atau dilaksanakan selepas tarikh sijil takaful akan dikenakan mengikut undang-undang yang berkenaan pada kadar semasa. Jika perlu, kami akan meminda terma-terma kontrak induk ini untuk mengambil kira cukai-cukai sedemikian.

## **17. Akta Pematuhan Cukai Akaun Asing Amerika Syarikat (FATCA)**

- 17.1 Sekiranya orang yang dilindungi mempunyai indicia Amerika Syarikat dan bersetuju memberikan maklumat, kebenaran dan/atau bantuan yang mungkin kami perlukan dari semasa ke semasa untuk membolehkan kami mematuhi Akta Pematuhan Cukai Akaun Asing Amerika Syarikat (FATCA). Permintaan ini termasuk sebarang laporan kepada *U.S Internal Revenue Service* (Perkhidmatan Hasil Dalam Negeri Amerika Syarikat) mengenai maklumat berkaitan dengan orang yang dilindungi atau waris yang berkaitan dengan sijil takaful. Sekiranya orang yang dilindungi gagal memberikan maklumat, kebenaran dan/atau bantuan seperti yang dinyatakan di atas, kami berhak untuk mengambil tindakan yang sepatutnya untuk mematuhi FATCA, yang mana mungkin termasuk menyerahkan laporan yang sepatutnya, menggantung sijil takaful orang yang dilindungi, menahan wang yang perlu dikirimkan, menamatkan sijil takaful dan memulangkan nilai tunai (jika ada) tolak sebarang keterhutangan tanpa faedah sekiranya penamatan tersebut berlaku.
- 17.2 Untuk tujuan kontrak induk ini, takrifan indicia Amerika Syarikat adalah seperti yang dinyatakan oleh *U.S Internal Revenue Service (IRS)* melalui laman web mereka di [www.irs.gov](http://www.irs.gov), atau apa-apa semakan mengenai takrifan selepas itu oleh IRS.

## **18. Yuran wakalah**

- 18.1 Kami akan menolak yuran wakalah daripada sumbangan yang dibayar. Ia adalah peratusan (%) daripada sumbangan seperti yang tertera di dalam sijil takaful.
- 18.2 Kami berhak untuk menyemak semula peratusan ini pada bila-bila masa dengan memberi notis bertulis kepada anda dan/ atau orang yang dilindungi sekurang-kurangnya 90 hari lebih awal.
- 18.3 Jika terdapat sebarang keadaan yang dianggap sebagai salah urus dan kecuai oleh kami, kami akan mengambil semua tindakan yang perlu untuk membetulkan keadaan sedemikian termasuk menyemak semula prosedur yang berkaitan dan jika diperlukan, untuk mengembalikan sebarang amaun yang terhutang kepada para peserta.
- 18.4 Sekiranya berlaku pembubaran sijil takaful ini disebabkan pembatalan dalam tempoh semakan percuma, penyerahan sijil atau penamatan sijil, pemulangan semula keseluruhan atau sebahagian yuran wakalah, jika ada, akan menjadi sebahagian daripada amaun yang perlu dibayar.

## **19. Tabarru'**

- 19.1 Kami akan mengambil tabarru' iaitu sumbangan yang dibayar ditolak yuran wakalah dan jumlah tersebut akan diperuntukkan ke dalam dana tabarru' peserta seperti yang dinyatakan di bawah.
- 19.2 Amaun tabarru' adalah tidak terjamin dan kami berhak untuk menyemak semula dari semasa ke semasa dengan memberi notis bertulis kepada anda sekurang-kurangnya 90 hari lebih awal. Semakan akan berkuatkuasa pada ulang tahun kontrak yang berikutnya selepas tamat tempoh notis.

## **20. Dana tabarru' peserta**

- 20.1 Tabarru' akan diperuntukkan ke dalam dana tabarru' peserta, yang merupakan dana pegangan di mana kami membayar semua manfaat takaful seperti yang dinyatakan di bawah kontrak induk ini. Dana tabarru' peserta dimiliki secara kolektif oleh kumpulan peserta takaful.
- 20.2 Perlindungan takaful akan dikuatkuasakan apabila terdapat peruntukkan tabarru' ke dalam dana tabarru' peserta.
- 20.3 Kami akan menguruskan aset dana tabarru' peserta dan menentukan bagaimana ia dilabur dan diurus sejajar dengan Syariah. Keuntungan pelaburan (jika ada) akan dikekalkan di dalam dana tabarru' peserta.
- 20.4 Kami akan menguruskan sebarang lebihan dana tabarru' peserta berdasarkan berikut:
- a) Lebihan kekal dalam dana tabarru' peserta; atau
  - b) Menderma lebihan kepada mana-mana organisasi kebajikan yang diluluskan oleh jawatankuasa Syariah kami.
- 20.5 Jika dana tabarru' peserta tidak mencukupi untuk membayar manfaat takaful, kami akan mengatitkan Qard (pinjaman tanpa faedah) dari dana kami untuk membayar kekurangan tersebut. Qard perlu dibayar balik apabila terdapat keuntungan di dalam dana tabarru' peserta.
- 20.6 Kami akan membayar semua kos, perbelanjaan dan caj untuk pengurusan dan pelaburan aset dana tabarru' peserta serta lain-lain perbelanjaan yang berkaitan dengan dana tabarru' peserta.

## **21. Nilai serahan tunai**

- 21.1 Apabila sijil takaful ini diserahkan, orang yang dilindungi tidak akan lagi menikmati perlindungan takaful dan tiada nilai serahan tunai akan dibayar kepada orang yang dilindungi.

## **22. Hak milik**

- 22.1 Anda adalah pemilik sah kontrak induk ini.
- 22.2 Anda boleh menggunakan semua hak dan pilihan yang disediakan oleh kontrak induk ini (bergantung kepada hak sebarang penama).

## **23. Penama**

- 23.1 Klausula ini hanya terpakai sekiranya anda adalah orang yang dilindungi dan anda berumur 16 tahun dan ke atas.
- 23.2 Anda boleh menamakan di dalam borang penamaan kami, penama (penama-penama) untuk menerima manfaat takaful yang patut dibayar ke atas kematian anda di bawah sijil takaful ini sama ada sebagai wasi atau benefisiari di bawah hibah bersyarat. Penamaan boleh dibuat semasa permohonan untuk kontrak ini atau pada bila-bila masa selepas sijil takaful ini dikeluarkan. Anda boleh muat turun borang penamaan dari laman web kami.



23.2 Penama yang dinamakan di dalam borang penamaan atau mana-mana pindaan yang anda buat pada masa hadapan, akan menerima manfaat kematian mengikut Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013. Orang yang dilindungi boleh membatalkan atau menukar penama pada bila-bila masa dengan memberi notis bertulis kepada kami. Notis bertulis mestilah kami terima dan daftarkan semasa hayat orang yang dilindungi. Pembatalan dan perubahan penama akan berkuatkuasa dari tarikh kami menerima notis bertulis tersebut.

**24. Jika kontrak ini berkongsi keuntungan dengan kami**

24.1 Kontrak induk ini tidak mendapat sebarang faedah daripada keuntungan kami.

**25. Notis tuntutan**

25.1 Anda atau wakil sah anda mestilah memberi notis bertulis mengenai tuntutan di ibu pejabat kami dalam tempoh 30 hari dari tarikh kejadian yang dilindungi berlaku.

**26. Bukti tuntutan**

26.1 Bukti tuntutan yang memuaskan perlu diberikan kepada kami dalam tempoh masa 30 hari dari tarikh pemberian notis tuntutan kepada kami, atas perbelanjaan penuntut.

26.2 Kami berhak untuk meminta sebarang dokumen tambahan lain sekiranya perlu untuk menyokong tuntutan.

26.3 Sebagai sebahagian daripada memberi bukti kepada kami, kami mungkin memerlukan orang yang dilindungi menjalani pemeriksaan perubatan oleh pemeriksa perubatan yang kami lantik. Kami akan membayar untuk pemeriksaan perubatan ini. Kami akan memberitahu orang yang dilindungi jika pemeriksaan tersebut diperlukan.

**27. Membayar manfaat**

27.1 Selepas menerima dan meluluskan bukti tuntutan orang yang dilindungi, kami akan membayar anda manfaat takaful berkenaan di bawah sijil takaful kepada anda dan/ atau pihak penuntut yang sah.

27.2 Manfaat takaful berkenaan kepada orang yang dilindungi adalah ditentukan berdasar kepada sijil takaful yang dikeluarkan berkaitan dengan orang yang dilindungi tersebut. Sijil ini akan ditamatkan semasa pembayaran di atas.

27.4 Sekiranya tiada penama, manfaat-manfaat yang belum dibayar akan dibayar kepada pihak penuntut yang sah.

## **LAMPIRAN GTT004**

### **Peruntukan manfaat – Manfaat kematian**

#### **1. Manfaat kematian**

- 1.1 Tertakluk kepada peruntukan am, sewaktu sijil takaful berkuatkuasa, kami menerima bukti yang memuaskan mengenai kematian orang yang dilindungi yang disebabkan oleh apa-apa sebab selain daripada risiko yang dikecualikan seperti yang dinyatakan di bawah, kami akan membayar jumlah yang dilindungi seperti yang ditetapkan di dalam sijil takaful untuk manfaat kematian, dari dana tabarru' peserta.
- 1.2 Kami akan menolak sebarang amaun yang anda terhutang kepada kami daripada manfaat ini.
- 1.3 Sijil ini akan ditamatkan apabila berlaku kematian orang yang dilindungi dan pembayaran tuntutan di bawah manfaat ini.

#### **2. Pengecualian-pengecualian**

- 2.1 Kami tidak akan membayar manfaat dan sijil ini akan ditamatkan dalam keadaan yang berikut:
  - a) Jika orang yang dilindungi meninggal dunia disebabkan membunuh diri (semasa waras atau tidak waras) dalam tempoh 12 bulan dari tarikh permulaan sijil; atau
  - b) Jika orang yang dilindungi meninggal dunia disebabkan keadaan sedia ada dalam tempoh 12 bulan dari tarikh permulaan sijil.
- 2.2 Pengecualian ini tidak akan berkuatkuasa selepas tahun perlindungan pertama.

#### **3. Prosedur tuntutan**

- 3.1 Bukti kematian yang memuaskan perlu dikemukakan kepada kami dalam tempoh 30 hari selepas tarikh kematian tersebut. Kegagalan untuk memberi notis dalam tempoh yang ditetapkan akan menyebabkan tuntutan tersebut tidak sah jika ia dapat ditunjukkan bahawa secara munasabah tidak mungkin untuk memberikan notis tersebut dan notis telah diberikan dengan segera dalam masa yang munasabah.
- 3.2 Kami akan menyediakan borang tuntutan yang sewajarnya kepada penuntut semasa pemberitahuan tuntutan. Kami juga memerlukan semua dokumen dan maklumat yang berkaitan untuk menilai tuntutan dengan secepat mungkin.
- 3.3 Kami hanya akan menilai tuntutan tersebut selepas kami menerima semua dokumen, maklumat dan bukti yang diperlukan.

#### **4. Penamatan perlindungan**

- 4.1 Manfaat ini akan tamat semasa penamatan kontrak seperti yang tertera di bawah klausa 14 dalam lampiran GTT003.

## LAMPIRAN GTT005

### Peruntukan manfaat – Manfaat hilang upaya menyeluruh dan kekal (TPD)

#### 1. Penguatkuasaan manfaat ini

- 1.1 Manfaat ini hanya akan berkuatkuasa jika ia dinyatakan dan disertakan dalam sijil takaful.

#### 2. Manfaat hilang upaya menyeluruh dan kekal (TPD)

- 2.1 Manfaat ini hanya akan berkuatkuasa jika orang yang dilindungi mengalami TPD sebagaimana ditakrifkan di bawah klausa 3, sewaktu sijil takaful berkuatkuasa, dan TPD bermula pada atau selepas tarikh permulaan sijil takaful.
- 2.2 Tertakluk kepada peruntukan am, sewaktu sijil takaful berkuatkuasa dan sebelum tarikh ulang tahun bulanan sejeurus selepas hari lahir ke-65 orang yang dilindungi, kami menerima bukti yang memuaskan bahawa orang yang dilindungi telah mengalami TPD yang disebabkan oleh apa-apa sebab selain daripada risiko yang dikecualikan seperti yang dinyatakan di bawah, kami akan membayar jumlah yang dilindungi seperti yang ditetapkan di dalam sijil takaful untuk manfaat TPD, dan ia dari dana tabarru' peserta.
- 2.3 Kami akan menolak sebarang amaun yang anda terhutang kepada kami.
- 2.4 Manfaat TPD akan luput pada ulang tahun bulanan kontrak sejeurus selepas hari lahir ke-65 orang yang dilindungi.
- 2.5 Jika agregat maksimum untuk manfaat TPD yang dibayar bagi orang-orang yang dilindungi di bawah kontrak ini dan semua kontrak atau sijil individu dan berkelompok yang lain yang kami keluarkan tidak akan melebihi RM2,000,000.
- 2.6 Jika manfaat TPD yang dibayar di bawah sijil ini adalah kurang daripada jumlah yang dilindungi untuk manfaat kematian, pada tarikh TPD bermula, perlindungan takaful atas kematian akan diteruskan untuk baki jumlah yang dilindungi. Jumlah yang dilindungi untuk manfaat kematian untuk sepanjang tempoh masa hadapan akan dikurangkan selaras dengan nisbah yang mana manfaat TPD yang telah dibayar kepada jumlah yang dilindungi pada tarikh TPD bermula. Pengurangan jumlah yang dilindungi untuk manfaat kematian akan berkuatkuasa dari tarikh TPD bermula.
- 2.7 Jika orang yang dilindungi meninggal dunia sebelum manfaat TPD dibayar, manfaat kematian akan dibayar apabila kami telah menerima dokumen yang lengkap, dan manfaat TPD tidak akan dibayar. Sijil ini seterusnya akan ditamatkan.

#### 3. Definisi hilang upaya menyeluruh dan kekal (TPD)

Hilang upaya menyeluruh dan kekal (TPD) bermaksud seperti berikut:

Jika orang yang dilindungi bekerja atau mengendalikan perniagaan sendiri

Jika orang yang dilindungi berumur antara 18 dan 65 tahun, dan bekerja untuk mendapat gaji atau mengendalikan perniagaan sendiri, mereka akan dianggap sebagai hilang upaya menyeluruh dan kekal jika mereka mengalami hilang upaya secara menyeluruh dan kekal dan tidak mampu melakukan sebarang tugas, pekerjaan atau profesion untuk mendapatkan sebarang gaji, pampasan atau keuntungan. Hilang upaya mesti berlanjutan sekurang-kurangnya selama 6 bulan berturut-turut dari tarikh diagnosis.

Jika orang yang dilindungi tidak bekerja atau tidak mengendalikan perniagaan sendiri

Jika orang yang dilindungi berumur antara 18 dan 65 tahun, dan tidak bekerja untuk mendapat gaji atau tidak mengendalikan perniagaan sendiri atau merupakan seorang suri rumah sewaktu mengalami hilang upaya, kami menganggap TPD sebagai ketidakmampuan untuk menjalani sekurang-kurangnya 3 daripada 6 aktiviti kehidupan harian (seperti yang dinyatakan di bawah) tanpa bantuan orang lain. Hilang upaya ini mestilah berlanjutan selama sekurang-kurangnya 6 bulan berturut-turut dari tarikh diagnosis.

- a) Pemandangan – Duduk dan bangun dari kerusi tanpa memerlukan bantuan fizikal;
- b) Pergerakan – Keupayaan untuk bergerak dari satu bilik ke bilik yang lain tanpa memerlukan bantuan fizikal;
- c) Perihal mengawal – Keupayaan untuk mengawal fungsi usus dan pundi kencing secara sendirinya seperti menjaga kebersihan diri;
- d) Pemakaian – Memakai dan menanggalkan kesemua pakaian yang perlu tanpa memerlukan bantuan orang lain;
- e) Mandi/Membersihkan diri – Keupayaan untuk membersihkan diri di tempat mandi tab atau mandi pancuran (termasuk memasuki dan keluar dari tempat mandi tab atau mandi pancuran) atau membersihkan diri dengan cara yang lain; atau
- f) Makan – Kesemua tugas memasukkan makanan ke dalam badan apabila makanan telah disediakan.

TPD merangkumi keadaan seperti berikut:

- a) Kehilangan penglihatan menyeluruh dan kekal pada kedua-dua belah mata;
- b) Kehilangan 2 anggota pada atau di atas pergelangan tangan atau buku lali yang disebabkan oleh pemutusan;
- c) Kehilangan penglihatan menyeluruh dan kekal pada 1 belah mata dan kehilangan 1 anggota pada atau di atas pergelangan tangan atau buku lali yang disebabkan oleh pemutusan; atau
- d) Lumpuh secara menyeluruh dan kekal.

2 daripada pemeriksa perubatan kami mestilah berpuas hati bahawa hilang upaya orang yang dilindungi telah memenuhi takrifan TPD.

#### **4. Pengecualian**

4.1 Kami tidak akan membayar manfaat jika TPD adalah disebabkan secara langsung atau tidak langsung oleh mana-mana yang berikut:

- a) Peperangan, serangan, tindakan permusuhan asing, pertempuran atau operasi semacam peperangan (sama ada diisytiharkan atau tidak), perang persaudaraan, pemberontakan, revolusi, penderhakaan, kekacauan awam yang mengandaikan pembahagian atau membawa kepada kebangkitan, ketenteraan atau rampasan kuasa;
- b) Memasuki, mengendali atau menyelenggara, naik atau turun dari atau dengan menggunakan apa-apa peranti atau pengangkutan udara melainkan ketika orang yang

dilindungi itu berada dalam sesebuah pesawat yang dikendalikan oleh syarikat penerbangan penumpang komersial yang dalam perjalanan tetap berjadual membawa penumpang menggunakan laluan penumpangnya yang telah ditetapkan;

- c) Berada di bawah pengaruh disebabkan oleh minuman keras, bahan yang memabukkan, sebarang narkotik atau dadah;
- d) Percubaan membunuh diri (semasa waras atau tidak waras), perbuatan tidak bermoral atau kecederaan sengaja ke atas diri sendiri;
- e) Terlibat dalam pelanggaran undang-undang (kecuali sebagai pihak yang tidak bersalah) atau menjadi ahli mana-mana organisasi haram;
- f) Sindrom Kurang Daya Tahan Penyakit (AIDS), komplikasi yang berkaitan dengan AIDS, jangkitan oleh Virus Kurang Daya Tahan Penyakit Manusia (HIV), kecuali AIDS yang disebabkan oleh pemindahan darah;
- g) Penyertaan dalam sebarang sukan atau hobi yang berbahaya, termasuk tetapi tidak terhad kepada aktiviti udara, memanjat batu atau mendaki gunung, aktiviti di dalam air, sebarang bentuk perlumbaan kecuali perlumbaan kaki; atau
- h) Keadaan sedia ada (PEC) dalam tempoh 12 bulan dari tarikh permulaan sijil. Pengecualian PEC ini tidak akan berkuatkuasa selepas tahun perlindungan pertama.

## **5. Notis tuntutan**

5.1 Kami mesti menerima notis tuntutan bertulis:

- a) di ibu pejabat kami;
- b) semasa hayat orang yang dilindungi;
- c) semasa ketidakupayaan orang yang dilindungi; dan
- d) dalam tempoh 30 hari dari permulaan ketidakupayaan.

## **6. Bukti ketidakupayaan**

- 6.1 Pihak penuntut mesti memberi bukti TPD kepada kami sebelum kami mempertimbangkan tuntutan ini. Pihak penuntut mesti membayar sebarang kos yang berkenaan dengan ini.
- 6.2 Kami tidak akan mempertimbangkan sebarang ketidakupayaan yang berlangsung kurang daripada 6 bulan.
- 6.3 Kami mungkin akan meminta bukti bahawa TPD adalah menyeluruh dan kekal. Kita boleh melakukan ini pada jangka masa yang munasabah.
- 6.4 Sebagai sebahagian daripada memberi bukti kepada kami, kami mungkin memerlukan orang yang dilindungi menjalani pemeriksaan perubatan oleh pemeriksa perubatan yang kami lantik. Kami akan membayar untuk pemeriksaan perubatan ini. Kami akan memberitahu orang yang dilindungi jika pemeriksaan tersebut diperlukan.

## **7. Penamatan perlindungan**

7.1 Manfaat ini akan ditamatkan dalam keadaan terawal yang berikut:

- a) Pada tarikh kami meluluskan dan membayar manfaat ini dalam jumlah yang penuh;
- b) Apabila manfaat ini dibatalkan;
- c) Pada ulang tahun bulanan sejeurus selepas orang yang dilindungi mencapai umur 65 tahun; atau
- d) Setelah penamatan kontrak seperti yang tertera di bawah klausa 14 dalam lampiran GTT003.

## LAMPIRAN GTT006

### Peruntukan manfaat – Manfaat *accidental death and dismemberment*

#### 1. Takrifan

- 1.1 Dalam lampiran ini, **kemalangan** bermaksud kejadian berlaku semata-matanya dan secara langsung disebabkan oleh kemalangan, keganasan, bersifat luaran dan boleh dilihat serta berasingan daripada semua punca lain.

#### 2. Penguatkuasaan manfaat

- 2.1 Manfaat ini hanya akan berkuatkuasa jika ia dinyatakan dan disertakan dalam sijil takaful.

#### 3. Manfaat kematian dan hilang upaya akibat kemalangan

##### 3.1 Manfaat kematian akibat kemalangan

- a) Tertakluk kepada peruntukan am, sewaktu sijil takaful berkuatkuasa, kami menerima bukti yang memuaskan mengenai kematian orang yang dilindungi yang disebabkan oleh kemalangan, jumlah yang dilindungi yang tertera dalam sijil takaful akan dibayar secara sekaligus daripada dana tabarru' peserta sebagai tambahan ke atas manfaat kematian di bawah Lampiran GTT004.

##### 3.2 Manfaat hilang upaya akibat kemalangan

- a) Tertakluk kepada peruntukan am, sewaktu sijil takaful berkuatkuasa, jika orang yang dilindungi mengalami kecederaan akibat kemalangan dan kecederaan itu adalah disebabkan secara langsung dan berasingan daripada sebarang punca lain kepada hilang upaya orang yang dilindungi seperti yang dinyatakan di dalam jadual manfaat atau dalam sebarang endorsmen yang mengubah jumlah yang dilindungi seperti yang tertera dalam sijil takaful, orang yang dilindungi perlu menyediakan bukti kecederaan kepada kami dengan mengemukakan borang yang disediakan oleh kami dalam masa 6 bulan dari tarikh kemalangan yang menyebabkan kecederaan dan orang yang dilindungi perlu memberi pendahuluan notis kecederaan bertulis kepada kami dalam tempoh 30 hari dari tarikh kemalangan dan kami akan membayar pampasan mengikut jadual indemniti di dalam klausa 8 daripada dana tabarru' peserta.
- b) Manfaat yang dibayar tidak akan melebihi 100% daripada jumlah yang melindungi untuk kecederaan yang disebabkan oleh punca yang sama. Tuntutan seterusnya yang dibuat di bawah sijil takaful ini berkenaan dengan hilang upaya yang sama atau berkaitan, manfaat yang perlu dibayar akan ditolak dengan amaun yang telah dibayar di bawah sijil takaful ini.
- c) Manfaat yang perlu dibayar untuk kemalangan dalam satu tempoh kontrak, manfaat yang dibayar tidak akan melebihi 100% daripada jumlah yang dilindungi.
- d) Di mana kami telah membayar tuntutan terlebih dahulu untuk hilang keupayaan di bawah manfaat ini, amaun yang perlu dibayar untuk tuntutan kematian akibat kemalangan akan tolak daripada jumlah yang telah dibayar.
- e) Di mana kami telah membayar tuntutan terlebih dahulu untuk mana-mana bahagian badan, tiada bayaran bagi tuntutan seterusnya untuk bahagian badan yang sama.

3.3 100% tambahan jumlah yang dilindungi akan dibayar apabila orang yang dilindungi meninggal dunia sekiranya kematian akibat kemalangan berlaku:

- a) sewaktu orang yang dilindungi perjalanan dalam pengangkutan awam selain daripada teksi, kereta sewa atau kapal terbang;
- b) sewaktu orang yang dilindungi di dalam lif; atau
- c) akibat daripada pembakaran mana-mana teater, panggung wayang, institusi pengajian, pejabat atau premis perniagaan (selain daripada kilang-kilang, kilang penapis minyak dan limbungan), di mana orang yang dilindungi berada di permulaan api.

Di mana kami telah membayar tuntutan terlebih dahulu untuk hilang keupayaan di bawah manfaat ini, amaun yang perlu dibayar untuk tuntutan kematian akibat kemalangan akan tolak daripada jumlah yang telah dibayar.

#### 4. Pengecualian

Manfaat kematian dan hilang keupayaan akibat kemalangan kumpulan (GADD) tidak akan dibayar jika kecederaan atau kehilangan yang tertera di bawah jadual manfaat dan manfaat indemniti berganda disebabkan atau dipercepatkan oleh:

- a) percubaan membunuh diri (semasa waras atau tidak waras), perbuatan tidak bermoral atau kecederaan sengaja ke atas diri sendiri;
- b) ketidakupayaan badan, atau gangguan mental atau fungsi, atau apa-apa jenis kesakitan atau penyakit daripada, atau sebarang jangkitan selain daripada jangkitan yang berlaku serentak dan akibat luka atau kecederaan akibat kemalangan;
- c) bersalin, kehamilan dan komplikasi dengannya;
- d) berada di bawah pengaruh disebabkan oleh minuman keras, bahan yang memabukkan, sebarang narkotik atau dadah;
- e) peperangan, serangan, tindakan permusuhan asing, pertempuran atau operasi semacam peperangan (sama ada diisytiharkan atau tidak), perang persaudaraan, pemberontakan, revolusi, penderhakaan, kekacauan awam yang mengandaikan pembahagian atau membawa kepada kebangkitan, ketenteraan atau rampasan kuasa;
- f) berkhidmat secara aktif dalam mana-mana tentera laut, tentera darat, tentera udara, pasukan ketenteraan, perkhidmatan berkaitan kebakaran, pertahanan awam, polis atau organisasi penguatkuasaan undang-undang;
- g) Penyertaan dalam sebarang sukan atau hobi yang berbahaya, termasuk tetapi tidak terhad kepada aktiviti udara, memanjat batu atau mendaki gunung, aktiviti di dalam air, sebarang bentuk perlumbaan kecuali perlumbaan kaki;
- h) memasuki, mengendali atau menyelenggara, naik atau turun dari atau dengan menggunakan apa-apa peranti atau pengangkutan udara melainkan ketika orang yang dilindungi itu berada dalam sesebuah pesawat yang dikendalikan oleh syarikat penerbangan penumpang komersial yang dalam perjalanan tetap berjadual membawa penumpang menggunakan laluan penumpangnya yang telah ditetapkan; atau



- i) terlibat dalam pelanggaran undang-undang (kecuali sebagai pihak tidak bersalah) atau menjadi ahli organisasi haram;

## **5. Notis tuntutan**

5.1 Kami mesti menerima notis tuntutan bertulis:

- a) di ibu pejabat kami;
- b) semasa hayat orang yang dilindungi;
- c) semasa ketidakupayaan orang yang dilindungi; dan
- d) dalam tempoh 30 hari dari permulaan kemalangan.

## **6. Bukti ketidakupayaan**

6.1 Anda mesti memberi bukti hilang upaya akibat kemalangan kepada kami sebelum kami mempertimbangkan tuntutan ini dan anda perlu mengemukakan borang yang disediakan oleh kami kepada kami dalam masa 6 bulan dari tarikh berlakunya kemalangan. Anda mesti membayar sebarang kos yang berkenaan dengan ini.

6.2 Sebagai sebahagian daripada memberi bukti kepada kami, kami mungkin memerlukan orang yang dilindungi menjalani pemeriksaan perubatan oleh pemeriksa perubatan yang kami lantik. Kami akan membayar untuk pemeriksaan perubatan ini. Kami akan memberitahu orang yang dilindungi jika pemeriksaan tersebut diperlukan.

## **7. Penamatan perlindungan**

7.1 Manfaat ini akan ditamatkan terawal dalam keadaan yang berikut:

- a) Apabila orang yang dilindungi mengalami hilang upaya menyeluruh dan kekal.
- b) Pada tarikh kami meluluskan dan membayar manfaat ini dalam jumlah yang penuh;
- c) Apabila manfaat ini dibatalkan;
- d) Setelah penamatan kontrak seperti yang tertera di bawah klausa 14 dalam lampiran GTT003.

**8. Jadual indemniti**

<b>Skala indemniti</b>	<b>Peratusan jumlah yang dilindungi (%)</b>
<u>Kepala</u>	
a) Kehilangan penglihatan menyeluruh pada kedua-dua mata	100
b) Kehilangan penglihatan 1 mata	50
c) Kehilangan penglihatan, kecuali persepsi cahaya	50
d) Kehilangan pendengaran menyeluruh dan kekal pada	
- kedua-dua telinga	100
- 1 telinga	30
<u>Anggota bahagian atas</u>	
a) Lumpur secara menyeluruh anggota bahagian atas	100
b) Kehilangan 1 lengan atau 1 tangan	100
c) Ibu jari	
- Kehilangan menyeluruh	15
- Anchylosis menyeluruh	15
- Kehilangan separa (falanks ungual)	5
d) Jari telunjuk	
- Kehilangan menyeluruh	10
- Kehilangan 2 falanks	8
- Kehilangan falanks ungula	3
e) Kehilangan ibu jari dan jari telunjuk	25
f) Kehilangan ibu jari dan jari selain daripada jari telunjuk	20
g) Kehilangan 2 jari selain daripada ibu jari dan jari telunjuk	8
h) Kehilangan 3 jari selain daripada ibu jari dan jari telunjuk	15
i) Kehilangan 4 jari dan termasuk ibu jari	40
j) Kehilangan 4 jari tidak termasuk ibu jari	35
k) Kehilangan jari tengah	8

l) Kehilangan jari selain daripada ibu jari, jari telunjuk atau tengah	3
<u>Anggota bahagian bawah</u>	
a) Lumpur secara menyeluruh anggota bahagian bawah	100
b) Kehilangan paha	
- Bahagian atas	100
- Bahagian bawah dan kaki	100
c) Kaki	
- Kehilangan menyeluruh (tibio-tarsal tidak artikulasi)	45
- Pergelangan kaki-tulang tidak artikulasi	40
- Medio-tarsal tidak artikulasi	35
- Tarso-metatarsal tidak artikulasi	30
d) Jari kaki	
- Kehilangan menyeluruh semua jari kaki	25
- Kehilangan 4 jari kaki termasuk ibu jari kaki	20
- Kehilangan 4 jari kaki	10
- Anchylosis ibu jari kaki	10
- Kehilangan 2 jari kaki	5
- Kehilangan 1 jari kaki selain daripada ibu jari kaki	3

Jika kecederaan tidak ditentukan, kami akan menggunakan peratusan hilang upaya yang selaras dengan skala di atas. Liabiliti kami berkenaan dengan kemalangan tidak akan melebihi 100% daripada jumlah yang dilindungi.